

28 AUG 1998

Abdullah-Umno

PERPADUAN UMNO TETAP DIUTAMAKAN

PASIR MAS, 28 Ogos (Bernama) -- Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, perpaduan di kalangan anggota parti tetap diutamakan terutama pada saat negara sedang menangani masalah kegawatan ekonomi.

Beliau berkata, UMNO perlukan perpaduan dan kestabilan bagi memantapkan usaha pemulihan yang lebih berkesan.

"Alhamdulillah sekarang usaha itu (memulihkan ekonomi) semakin mendapat sokongan rakyat hasil kerja keras pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN)", katanya kepada pemberita selepas melancarkan gerak kerja jentera pilihan raya BN Pasir Mas di sini.

Katanya, gerakan pemulihan ekonomi yang diterajui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke seluruh negara ternyata berhasil apabila kepimpinan beliau semakin mendapat sokongan daripada segenap lapisan rakyat agar terus menerajui negara.

Beliau berkata, walaupun tuduhan yang dibuat oleh sesetengah pihak bahawa terdapat perbezaan pendapat antara para pemimpin negara, sebenarnya dakwaan itu ternyata tidak tepat.

Ketika berucap pada majlis itu, beliau berkata dakwaan berkenaan turut dibuat oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang yang cuba mengambil kesempatan ketika negara sedang menghadapi kegawatan ekonomi bagi kepentingan politik mereka.

Katanya, mereka hanya pandai mengkritik dan menyalahkan kerajaan tanpa berbuat sesuatu bagi membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara dengan segera bagi faedah rakyat.

Abdullah yang juga Menteri Luar berkata, Malaysia tetap menjadi pilihan utama pelabur-pelabur luar yang yakin Malaysia mampu mengatasi kegawatan dengan cara yang tersendiri.

Sebagai bukti, beliau berkata daripada 471 permohonan pelaburan yang diluluskan pada tujuh bulan pertama tahun ini sebanyak 214 adalah pelabur luar dengan jumlah pelaburan sebanyak RM5.76 bilion.

--BERNAMA

WM oba